

**Malaysia Wajar Tingkat Peruntukan Pelaburan Domestik Untuk Perbelanjaan R&D  
Bernama  
13 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Malaysia perlu meningkatkan peruntukan pelaburan domestik kasar untuk perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada 1.5 peratus berbanding 0.84 peratus pada masa ini, kata seorang ahli akademik.

Prof Rajah Rasiah bagi Kursi Khazanah Nasional bagi Kajian Kawal Aturan Universiti Malaya, berkata perbelanjaan yang lebih besar sangat penting untuk Malaysia bersaing dengan ekonomi membangun yang lain, dari segi peningkatan ekonomi dan teknologi.

Walaupun penambahan perbelanjaan boleh meningkatkan risiko, Prof Rajah berkata hanya R&D sahaja mampu meningkatkan ekonomi Malaysia, supaya lebih baik atau berpendapatan tinggi.

"Angka 0.84 peratus itu hanya angka agregat R&D nasional. Secara relatifnya ia rendah, namun mampan, berbanding negara lain. Namun, kita mesti kembangkan perbelanjaan, terutama dalam bidang kepakaran dan pengetahuan baharu.

"Perbelanjaan tambahan, jika dibuat, perlu disalurkan untuk bidang teknologi baharu yang mampu menjanjikan pertumbuhan, berbanding bergantung kepada komoditi yang sama atau perdagangan yang dipacu kepakaran," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku "Evidence-Based Development Economics", di sini Jumaat.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680351>